
[BIL. 18 FEB 2019](#)

Pengerusi LPU lawat fasiliti Makmal UMI

Oleh: MOHD. FERDAUS MUSA, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Pengerusi Lembaga Pengarah, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Dato' Sri Ibrahim Ahmad telah me
kemudahan makmal penyelidikan dan pembelajaran di UMP Gambang pada 22 Januari 2019 yang lalu.

Ketibaan beliau disambut Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama penguru

Lawatan bermula di Makmal Fakulti Sains & Teknologi Industri diikuti Makmal Fakulti Kejuruteraan Kimia
Lab Fakulti Kejuruteraan Teknologi, Pusat Penyelidikan Aliran Bendalir Termaju (CARIFF), Pusat Kecem
Kecemerlangan IBM.

Sepanjang kunjungan, Dato' Sri Ibrahim Ahmad telah diberi penerangan oleh pegawai bertugas di setiap
tersedia di setiap makmal tersebut.

Beliau juga berpeluang bertemu secara langsung dengan mahasiswa yang sedang menyiapkan projek
pencapaian yang telah diperoleh.

Selain itu juga, beliau turut beramah mesra dengan mahasiswa pascasiswazah dan melihat fasiliti yang dis
projek penyelidikan dan tesis bagi membolehkan tugas dapat diselesaikan dan menamatkan pengajian k

Mengulas lanjut hasil lawatan ini, Dato' Sri Ibrahim melahirkan rasa kagum dan bangga dengan fasiliti mak

Beliau juga turut berpuas hati dengan aspek keselamatan dan kesihatan dalam pekerjaan yang amat dititik bahawa makmal UMP telah diurus secara sistematik dan mengikut ketetapan piawaian antarabangsa.

Turut sama mengiringi adalah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mash Penyelidikan dan Inovasi, Datin Sri Fazia Ali dan Pendaftar merangkap Ketua Pegawai Operasi, Abd Hami

380 mahasiswa baharu daftar UMP

Oleh: NUR SA'ADATUL AFZAN JUSOH, BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerima seramai 380 mahasiswa baharu bagi mengikuti pengajaran serentak di kedua-dua kampus pada 25 Januari 2019 yang lalu.

Pendaftaran mahasiswa bermula pada jam 8.30 pagi di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan manakala penda bagi mahasiswa UMP kampus Gambang.

Daripada jumlah tersebut, seramai 167 orang merupakan mahasiswa baharu lepasan Diploma atau setaraf peringkat Ijazah Sarjana Muda di UMP melalui UMP Advanced.

Hadir menyambut ketibaan mahasiswa dan keluarga, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alur) yang menyaksikan pendaftaran yang buat julung kalinya diadakan di penginapan kolej kediaman.

Menurut beliau, pihaknya berpuas hati dengan proses pendaftaran mahasiswa berjalan lancar dan meng jawatankuasa.

Selain menyaksikan sendiri proses pendaftaran berlangsung, beliau turut hadir menyampaikan bantuan ins sebanyak RM1,000 kepada mahasiswa baharu dalam pembayaran yuran atau sara diri untuk pembelajaran

Katanya, bagi mahasiswa yang kurang berkemampuan sememangnya universiti bertanggungjawab ba pengajian.

“Tanggungjawab sosial ini dalam menghadapi tekanan hidup, ianya bukan lagi satu opsyen tetapi tinda bantuan diterima dalam pelbagai dimensi dan keupayaan universiti.

“Universiti memberi bantuan dalam bentuk zakat, biasiswa, bantuan khas memulakan pengajian, kongsi kesihatan.

“Di samping itu juga, pelajar digalakkan berniaga dengan ruang perniagaan dan kotak-kotak perniagaan berkemampuan juga berpeluang bekerja sambil belajar yang diwujudkan bagi memberi peluang untuk mereka tanpa mengorbankan akademik mereka,” katanya ditemui baru-baru ini.

Pada masa yang sama, UMP turut menerima seramai 25 orang pelajar antarabangsa iaitu 14 orang pelajar mengikuti program mobiliti di universiti ini.

40 warga UMP terokai dunia penyiaran dalam Kembara Ilmu

Dalam usaha memperkukuh terhadap penjenamaan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pejabat Naib Canselor UMP, 10 orang staf dan mahasiswa UMP menyertai Program Kembara Ilmu dengan berkunjung ke Stesen Penyiaran TV1 dan TV2 di Kuala Lumpur.

Program bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dan hubungan baik dengan stesen TV di Malaysia selain itu, pihak universiti memandangkan peranan media ini penting sebagai salah satu perantara dalam menyebarkan maklumat ke seluruh dunia.

Menurut Eksekutif Kanan Bahagian Komunikasi Korporat, Mimi Rabita Abd Wahit, delegasi kali ini juga memfokuskan kepada penyiaran, penerbitan dan media baharu UMP.

“Dengan kemahiran yang dikongsikan ini diharapkan dapat dipraktikkan di universiti, tambahan pula kemahiran ini sebagai salah satu medium pengantara hebahan bermaklumat untuk menyampaikan segala perkembangan UMP kepada masyarakat luas.”

“Buat masa ini, UMPTV memaparkan penerbitan berita terkini dan semasa serta program bual bicara dan program hiburan di Facebook UMPMalaysia.

“Ianya dijalankan dengan mendapat sokongan dan kerjasama pihak Pusat Bahasa Moden & Sains Kemajuan UMP.”

Tambah Mimi Rabita lagi, dengan pengalaman baharu ini diharapkan dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa mengenai pengurusan rancangan secara langsung.

Guru Bahasa Kanan PBMSK, Hajah Noor Azlinda Zainal Abidin pula turut melahirkan rasa bertuah apabila

“Program ini bukan sahaja dapat banyak manfaat yang dipelajari malahan dapat menambahkan ilmu pengantara UMP dengan pihak luar.

“Selain itu pengalaman yang tidak dapat dilupakan apabila berpeluang turut serta dalam menjayakan r bersama pengacara Norazidah Mohamed dan personaliti terkenal Datin Fouziah Gous serta suami, Datuk *Perfectionist*,” katanya.

Beliau juga mengharapkan agar program sebegini patut diteruskan pada masa akan datang kerana iany UMP di samping dapat merapatkan silaturahim antara staf dan mahasiswa UMP.

Lebih menggembirakan, para peserta turut berpeluang melawat Kompleks Nasyrul Quran yang merupakan terbesar di dunia selepas Pusat Percetakan al-Quran Raja Fahd di Madinah.

Terletak di Putrajaya, kompleks ini menghimpunkan pelbagai naskhah mushaf al-Quran seluruh dunia jugu percetakan al-Quran.

-
- 119 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

